NOVEL HEMPASAN OMBAK -NILAI MURNI

Baca petikan di bawah, jawab soalan objektif di bawah.

Novel yang saya kaji ialah Hempasan Ombak karya Zailani Taslim. Terdapat beberapa nilai murni yang terdapat dalam novel ini, yang pertama ialah **Kesederhanaan** contohnya Farid mengekalkan sikap bersederhana dalam menjalani kehidupan walaupun dia menduduki jawatan sebagai Pengarah Urusan Syarikat Batik Nusantara dengan menaiki motosikal jika ada urusan luar. Sekiranya dia ingin berkereta, dia lebih selesa menggunakan kereta Peugeot lama peninggalan arwah ayahnya. Ketika makan tengah hari bersama-sama Zuraida, dia lebih selesa memilih makan di warung biasa, bukan di hotel.

Nilai murni yang kedua ialah **Baik hati** contohnya Mokhsein yang pernah bekerja dengan Haji Badrul lebih 10 tahun berasa terhutang budi kerana mendidiknya dalam dunia perniagaan telah bersikap murah hati membantu Farid memajukan Syarikat Batik Nusantara. Mokhsein sudi menerangkan tentang perlunya Farid menjalankan "strategi terkunci" jika mahu syarikatnya kukuh kembali.

Nilai murni yang tiga **Kerajinan** contohnya Farid rajin turun ke bengkel untuk melihat pekerjanya menyiapkan batik walaupun tidak mempunyai pengalaman berniaga. Dia juga rajin bertanya kepada orang yang lebih berpengalaman seperti Mokhsein dan Zuraida.

1.Berikut ialah nilai murni yang terdapat dalam petikan di atas kecuali ?

A.Kejujuran
B.Baik hati
C.Kerajinan
D.Kesederhanaan

2.Mengapakah Farid rajin turun ke bengkel Batik?

A. Melihat pekerjanya menyiapkan batik
B. Berbual-bual kosong dengan pekerja
C. Melihat kecantikan bengkel
D. Menaik taraf bengkel

3.Mengapakah Mokhsein membantu Farid?

A. Kerana Farid miskin
B. Kerana rakan sekelas
C. Kerana terhutang budi
D. kerana dendam

4. Apakah nilai murni yang terdapat dalam diri Farid?

A.Terlalu boros
B.Tidak pandai berdikari
C.Kesederhanaan
D.Tidak amanah

LIVEWORKSHEETS